100 pekebun sawit desak JPS baiki parit

DUA pekebun menunjukkan parit yang kering berhampiran kebun kelapa sawit mereka di Kampung Tebuk Berihun, Sabak Bernam, Selangor baru-baru ini.
- UTUSAN/UMU HANI ASSAIDAH ABDULLAH

SABAK BERNAM 4 Ogos - Kira-kira 100 pengusaha tanaman kelapa sawit di Kampung Tebuk Berihun di sini menggesa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mendalamkan sistem perparitan utama di kampung itu bagi melancarkan pengaliran air dari tali air ke kebun mereka.

Seorang pengusaha, **Khairi Abd. Samad**, 46, berkata, masalah air tidak sampai ke parit utama membelenggu pengusaha tanaman itu sejak lebih empat tahun lalu meskipun JPS menjalankan kerja menggali parit setahun sekali.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan pengeluaran hasil sawit penduduk merosot akibat kekurangan air yang diserap bawah tanah.

"Pada musim panas ini, pokok kelapa sawit akan menyerap air dari parit berhampiran, tetapi ketiadaan air parit menyebabkan tandan menjadi lebih ringan dan kurang berkualiti," katanya di sini, baru-baru ini.

Khairi yang mengusahakan kelapa sawit sejak lebih 20 tahun lalu memberitahu, masalah itu menjejaskan hasil pengeluaran sawit penduduk berbanding di kawasan lain yang mempunyai sistem perparitan lebih sistematik dan terancang.

"Harga semasa tanaman ini merosot. Kami terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah jika JPS tidak mendalamkan sistem perparitan sedia ada bagi tujuan kemudahan petani selain meningkatkan kualiti tandan sawit," katanya.

Yusof Baharudin, 56, pula berkata, JPS seharusnya membuka dua kunci tali air utama iaitu di Kampung Baru dan Kampung Tengah bagi memastikan parit utama di kampung itu menerima bekalan air mencukupi.

"Saya difahamkan JPS tidak membuka kunci air setiap kali air pasang kerana bimbang berlaku banjir, sedangkan parit di sini kering dan pokok kelapa sawit akan menyerap air dengan cepat berbanding tanaman lain," ujarnya.

Seorang lagi penduduk, **Hasnawi Arnain**, 53, berkata, dia difahamkan parit utama di kampung itu tinggi kerana terletak di tengah-tengah antara Kampung Baru dan Kampung Tengah.

"Kami sudah tidak sanggup berdepan masalah ini setiap hari terutama dalam keadaan cuaca panas hingga memaksa kami mengambil air dari rumah untuk kegunaan meracun rumput," katanya.

Seorang pekerja mengambil upah meracun di kebun sawit, **Sasi Manap**, 47, berkata, kerja meracun memerlukan air yang banyak iaitu sekurang-kurangnya 135 liter air bagi tanaman seluas dua hektar.

Katanya, jika terdapat air berhampiran parit berdekatan, dia tidak perlu mengambil air dari rumah, sebaliknya menggunakan air parit sedia ada bagi kerja meracun rumput dan lalang yang tumbuh di kawasan penanaman.

"Disebabkan tiada air, saya terpaksa mengenakan caj tambahan RM1 bagi lima liter air kerana bekalan ini diambil terus dari rumah termasuk kos mengangkutnya menggunakan motosikal," katanya.